



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PELAKSANAAN PEMBELAJARAN TERADUN DALAM KALANGAN GURU PENDIDIKAN ISLAM SEKOLAH KEBANGSAAN DI PERAK



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

NOR SHAHIDA BINTI UMRAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PELAKSANAAN PEMBELAJARAN TERADUN
DALAM KALANGAN GURU PENDIDIKAN
ISLAM SEKOLAH KEBANGSAAN
DI PERAK**

NOR SHAHIDA BINTI UMRAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN ISLAM)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (\checkmark)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

<input checked="" type="checkbox"/>

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada 12 (hari bulan) Mac (bulan) 20.24.

i. Perakuan pelajar :

Saya, Nor Shahida binti Umran, M20211000905, Fakulti Sains Kemanusiaan (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk Pelaksanaan Pembelajaran Teradun Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam Sekolah Kebangsaan di Perak

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, Prof Madya Dr. Norhisham bin Muhamad (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Pelaksanaan Pembelajaran Teradun Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam Sekolah Kebangsaan di Perak

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Pendidikan (Pendidikan Islam) (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

28 Mac 2024

Tarikh

PROF.MADYA DR. NORHISHAM BIN MUHAMAD
Jabatan Pengajian Islam
Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES****BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title:

Pelaksanaan Pembelajaran Teradun Dalam Kalangan Guru**Pendidikan Islam Sekolah Kebangsaan di Perak**

No. Matrik /Matric's No.:

M20211000905

Saya / I :

Nor Shahida binti Umran

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasm / Name & Official Stamp)Tarikh: 28 Mac 2024**PROF. MADYA DR. NORHISHAM BIN MUHAMAD**

Jabatan Pengajian Islam

Fakulti Sains Kemanusiaan

Universiti Pendidikan Sultan Idris

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**

Notes. If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.





PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim, dipanjatkan syukur ke hadrat Ilahi atas segala rahmatNya yang telah memberi kekuatan, inspirasi dan kesabaran dalam menyempurnakan kajian ini. Alhamdulillah, syukur kepada Allah kerana diberi nikmat kesihatan dan juga dipermudahkan segala urusan.

Jutaan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga terutama kepada pensyarah penyelia, Prof Madya Dr. Norhisham bin Muhamad di atas segala masa yang berharga, ilmu dan nasihat yang tidak terkira serta bimbingan dan dorongan yang sangat bermotivasi. Segala teguran, nasihat dan tunjuk ajar serta kata-kata semangat akan tetap diingati dan dihargai. Ucapan terima kasih juga kepada pensyarah-pensyarah Pendidikan Islam di Fakulti Sains Kemanusiaan UPSI yang banyak memberi peluang untuk saya menimba ilmu. Tidak lupa juga, ucapan terima kasih kepada panel pakar yang sudi mengesahkan instrumen soal selidik kajian ini. Setinggi penghargaan diucapkan kepada Jabatan Pendidikan Negeri, Pengarah Pendidikan Daerah Manjung dan Guru Besar sekolah yang terlibat kerana membuka ruang bagi saya menjalankan kajian ini. Tidak ketinggalan juga kepada semua peserta kajian iaitu guru-guru Pendidikan Islam sekolah kebangsaan di Manjung kerana sudi bekerjasama dalam menyumbangkan proses memperoleh data.



Disamping itu, ucapan terima kasih teristimewa buat suami tercinta Mohd Tajuzzaman bin Badrul Hisham yang sentiasa memberi sokongan serta anak-anak tersayang, Nur Adelia Aisyah, Muhammad Aidiel Ayyash dan Nur Adelina Aleesa yang sentiasa memahami. Tidak dilupakan ucapan terima kasih kepada kedua ibu bapa, Umran bin Yaacob dan Siti Esah binti Ismail serta kedua mertua Badrul Hisham bin Abu Kassim dan Norlida binti Abdullah di atas segala pengorbanan dan irungan doa yang tidak putus-putus. Buat semua adik beradik dan ahli keluarga yang lain, terima kasih kerana sentiasa mendoakan kejayaan bagi saya menyiapkan kajian ini. Akhir sekali, ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung sehingga terhasilnya kajian ini. Hanya Allah yang dapat membalas segala kebaikan kalian. Amin ya Rab-Al Amin.

Terima Kasih





ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan, tahap kemahiran dan tahap sikap Guru Pendidikan Islam terhadap pelaksanaan pembelajaran teradun serta mengenal pasti hubungan ketiga-tiga tahap tersebut terhadap pelaksanaan pembelajaran teradun. Pendekatan kuantitatif dengan kaedah tinjauan telah digunakan dalam kajian ini. Pemilihan sampel dijalankan secara rawak mudah melibatkan 160 orang Guru Pendidikan Islam di Daerah Manjung Perak. Data dikumpul melalui soal selidik dan dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif dan inferensi. Statistik deskriptif melibatkan skor min, sisihan piawai, frekuensi dan peratus manakala statistik inferensi pula melibatkan ujian korelasi Pearson yang menerangkan hubungan di antara tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap Guru Pendidikan Islam terhadap pelaksanaan pembelajaran teradun. Dapatkan kajian menunjukkan ketiga-tiga konstruk berada pada tahap yang tinggi di mana skor min bagi tahap pengetahuan adalah ($M=40.96$, $SP=6.475$, $Min=10$, $Max=50$), manakala skor min bagi tahap kemahiran dan tahap sikap menunjukkan nilai yang sama ($M=41.69$, $SP=5.959$, $Min=10$, $Max=50$). Analisis inferensi menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara pengetahuan Guru Pendidikan Islam terhadap pelaksanaan pembelajaran teradun dengan nilai Pearson r ialah (160 , $p=0.000$) = 0.367 . Keputusan ujian kemahiran dan sikap Guru Pendidikan Islam terhadap pelaksanaan pembelajaran teradun menunjukkan kekuatan hubungan yang signifikan dengan nilai Pearson r yang sama iaitu (160 , $p=0.000$) = 0.246 . Berdasarkan hasil kajian yang diperoleh, ketiga-tiga konstruk mempunyai hubungan yang signifikan terhadap pelaksanaan pembelajaran teradun. Kesimpulannya, dapatan kajian menunjukkan pengetahuan Guru Pendidikan Islam sekolah kebangsaan di Daerah Manjung Perak merupakan faktor utama yang mempengaruhi pelaksanaan pembelajaran teradun sebagai pendekatan terkini dalam sistem pendidikan. Oleh itu, guru perlulah diberi pendedahan seperti seminar, kursus atau bengkel berkaitan konsep pelaksanaan pembelajaran teradun. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa pihak berkepentingan khususnya Kementerian Pendidikan Malaysia perlu prihatin terhadap dapatan yang dihasilkan agar Guru Pendidikan Islam turut dapat memberi sumbangan kepada pendidikan negara.





IMPLEMENTATION OF BLENDED LEARNING APPROACH AMONG ISLAMIC EDUCATION TEACHERS IN PRIMARY SCHOOLS IN PERAK

ABSTRACT

The purpose of this study is to determine the levels of knowledge, skill, and attitude toward blended learning implementation among Islamic Education Teachers, as well as the relationship between the three levels towards the implementation of blended learning. This study used a quantitative methodology, specifically a questionnaire method. The sample consisted of 160 Manjung District Islamic Education Teachers chosen by using a simple random sample selection. The data was analysed using descriptive analysis and inferential analysis. Descriptive analysis involves the mean score, standard deviation, frequency, and percentage. Meanwhile, inferential analysis involves the Pearson correlation test to describe the relationship between the Islamic Education Teachers' levels toward the implementation of blended learning. The study's findings show that all three constructs are at a high level, with the mean score for the level of knowledge is ($M=40.96$, $SP=6.475$, $Min=10$, $Max=50$), while the mean score for the level of skill and level of attitude show the same value ($M=41.69$, $SP=5.959$, $Min=10$, $Max=50$). Inferential analysis shows that the three constructs have a significant relationship with the implementation of blended learning, where the Pearson r value for Islamic Education Teachers' knowledge is (160 , $p=0.000$) = 0.367. Meanwhile, the same Pearson r value for Islamic Education Teachers' skills and attitudes is (160 , $p=0.000$) = 0.246. In conclusion, the main element influencing the adoption of blended learning is the knowledge of Islamic Education Teachers. Therefore, Islamic Education Teachers must be exposed to events such as seminars, courses, or workshops related to the concept of implementing blended learning. The implications of this study indicate that stakeholders, particularly the Malaysian Ministry of Education, should pay attention to the findings so that Islamic Education Teachers can contribute to the country's education.





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvii
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	6
1.3 Pernyataan Masalah	10
1.4 Objektif Kajian	15
1.5 Soalan Kajian	16
1.6 Hipotesis Kajian	17
1.7 Kerangka Teori Kajian	17
1.8 Kerangka Konsep Kajian	20





1.9	Batasan Kajian	22
1.10	Kepentingan Kajian	23
1.10.1	Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) Kementerian Pendidikan Malaysia	24
1.10.2	Guru-Guru Pendidikan Islam di Sekolah	25
1.10.3	Murid Sekolah Rendah yang Beragama Islam	26
1.10.4	Ibu Bapa dan Pemimpin Masyarakat	26
1.11	Definisi Operasi	26
1.11.1	Guru Pendidikan Islam	27
1.11.2	Pelaksanaan Pembelajaran Teradun	27
	Pengetahuan Pembelajaran Teradun	28
	Kemahiran TMK dalam Pembelajaran Teradun	29
1.12	Sikap GPI Terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Teradun	30
	Sekolah Kebangsaan di Perak	31
1.12	Kesimpulan	31
BAB 2	TINJAUAN LITERATUR	
2.1	Pengenalan	33
2.2	Latar Belakang Pembelajaran Teradun	34
2.2.1	Konsep Pembelajaran Teradun	35
2.2.2	Isu Pembelajaran Teradun	39
2.2.3	Pelaksanaan Pembelajaran Teradun	41
2.2.4	Penggunaan TMK dalam Pengajaran dan Pembelajaran	42
2.2.5	Kelebihan Pembelajaran Teradun	44





2.3	Teori Kompetensi	46
2.3.1	Komponen Kompetensi	49
2.4	Kajian-Kajian Lepas	50
2.5	Kesimpulan	53
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN		
3.1	Pengenalan	55
3.2	Reka Bentuk Kajian	56
3.3	Lokasi Kajian	59
3.4	Populasi dan Pensampelan Kajian	60
3.5	Instrumen Kajian	64
3.5.1	Item Soal Selidik	65
3.5.2	Skala Jawapan	68
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan	69
3.6.1	Kesahan Kandungan	69
3.6.2	Kajian Rintis	70
3.6.3	Nilai Kebolehpercayaan Instrumen	72
3.7	Kaedah Pengumpulan Data	74
3.8	Kaedah Analisis Data	74
3.8.1	Analisis Deskriktif	75
3.8.2	Analisis Inferensi	76
3.9	Rumusan	78
BAB 4 DAPATAN KAJIAN		
4.1	Pengenalan	79
4.2	Analisis Deskriktif	80





4.2.1	Jantina	80
4.2.2	Umur	80
4.2.3	Pengalaman Mengajar	81
4.2.4	Pendedahan Tentang Pelaksanaan Pembelajaran Teradun	81
4.3	Dapatan Kajian	83
4.3.1	Tahap Pengetahuan Guru Pendidikan Islam Terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Teradun	84
4.3.2	Tahap Kemahiran Guru Pendidikan Islam Terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Teradun	87
4.3.3	Tahap Sikap Guru Pendidikan Islam Terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Teradun	90
4.4	Analisis Bivariate	93
4.4.1	Ujian Korelasi	93
4.4.2	Hubungan Antara Pengetahuan, Kemahiran dan Sikap GPI Terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Teradun	94
4.5	Penutup	97

BAB 5 PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	99
5.2	Perbincangan	100
5.2.1	Tahap Pengetahuan GPI Terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Teradun	101
5.2.2	Tahap Kemahiran TMK GPI Terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Teradun	104
5.2.3	Tahap Sikap GPI Terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Teradun	105





5.2.4	Hubungan Antara Pengetahuan Kemahiran dan Sikap GPI Terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Teradun	107
5.3	Kesimpulan Kajian	108
5.4	Implikasi Kajian	111
5.5	Cadangan	113
5.5.1	Cadangan Kepada Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK)	113
5.5.2	Cadangan Kepada Pihak JPN dan PPD	114
5.5.3	Cadangan Kepada Guru-Guru Pendidikan Islam	114
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	116
5.7	Penutup	117



LAMPIRAN





SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
3.1 Bilangan Sekolah Kebangsaan di Daerah Manjung Mengikut Zon	60
3.2 Populasi Guru Pendidikan Islam Sekolah Kebangsaan Daerah Manjung Mengikut Zon	61
3.3 Penentu Jumlah Sampel Berdasarkan Populasi Krejcie dan Morgan	63
3.4 Pemilihan Sampel Guru Pendidikan Islam Sekolah Kebangsaan Daerah Manjung Berdasarkan Sampel Rawak Mudah	63
3.5 Bahagian-bahagian Soal Selidik dan Jumlah Item	65
3.6 Item Latar Belakang Guru	66
3.7 Item Tahap Pengetahuan Guru	66
3.8 Item Tahap Kemahiran Guru	67
3.9 Item Tahap Sikap Guru	68
3.10 Pemarkahan Item Skala Likert	69
3.11 Panduan Skor Nilai Pekali Alfa (Alpha Cronbach)	73
3.12 Nilai Pekali Kebolehpercayaan Kajian Rintis	73
3.13 Skor Min oleh Landell (1997)	76
3.14 Tafsiran Nilai Korelasi Alpha Cronbach	77
3.15 Kaedah Analisis bagi Setiap Objektif Kajian	77
4.1 Latar Belakang Responden	82
4.2 Nilai Pekali Kebolehpercayaan Kajian Sebenar	83





4.3	Kekerapan dan Peratus Tahap Pengetahuan Guru Pendidikan Islam Terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Teradun	86
4.4	Kekerapan dan Peratus Tahap Kemahiran Guru Pendidikan Islam Terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Teradun	89
4.5	Kekerapan dan Peratus Tahap Sikap Guru Pendidikan Islam Terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Teradun	92
4.6	Hubungan antara Tahap Pengetahuan, Kemahiran dan Sikap Guru Pendidikan Islam Terhadap Pendekatan Pembelajaran Teradun	96
4.7	Ringkasan Hipotesis	96





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Teori Spencer dan Spencer, 1993	18
1.2 Kerangka Konseptual Kajian	22
2.1 Konsep Pembelajaran Teradun	36
2.2 Model Kompetensi “Iceberg”	47





SENARAI SINGKATAN

BPI	Bahagian Pendidikan Islam
BPK	Bahagian Pembangunan Kurikulum
BTP	Bahagian Teknologi Pendidikan
DELIMA	<i>Digital Educational Learning Initiative Malaysia</i>
DePAN	Dasar e-Pembelajaran Negara
EPRD	Bahagian Penyelidikan dan Perancangan Kementerian Pendidikan Malaysia
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
GPI	Guru Pendidikan Islam
IPGM	Institut Pendidikan Guru Malaysia
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
LADAP	Latihan Dalam Perkhidmatan
PdPc	Pembelajaran dan Pemudahcaraan
PISMP	Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PLC	<i>Peer Learning Coaching</i>
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
RI 4.0	Revolusi Industri 4.0
RPH	Rancangan Pengajaran Harian
SJKC	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SJKT	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
SPSS	<i>Statistical Packages for Social Science</i>
TMK	Teknologi Maklumat dan Komunikasi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI LAMPIRAN

- A Surat Kelulusan Menjalankan Kajian daripada EPRD, KPM
- B Surat Kelulusan Menjalankan Kajian daripada JPN Perak
- C Surat Kelulusan Menjalankan Kajian daripada PPD Manjung
- D Surat Kelulusan Menjalankan Kajian daripada Etika Penyelidikan Manusia, UPSI
- E Borang Soal Selidik





BAB 1

PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan

Kassim dan Abdul Jalal (2015) memaklumkan bahawa Pendidikan Awal Kanak-Kanak (PAKK) di Malaysia terbahagi kepada dua peringkat berdasarkan umur kanak-kanak iaitu peringkat pertama dikenali sebagai Taska khas untuk kanak-kanak di bawah umur empat tahun. Manakala, peringkat kedua dikenali sebagai Prasekolah atau Tadika untuk kanak-kanak berumur empat hingga enam tahun. Seterusnya, kanak-kanak akan mengikuti pendidikan sekolah rendah bermula umur tujuh hingga dua belas tahun yang turut dikenali sebagai Tahun Satu hingga Tahun Enam. Sekolah rendah awam di Malaysia terdiri daripada Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Jenis Kebangsaan. Kedua-dua jenis sekolah rendah menggunakan kurikulum yang sama tetapi media pengajaran serta bahasa pengantar yang digunakan adalah berbeza di mana Sekolah Kebangsaan





(SK) menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar manakala Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) Cina dan Tamil masing-masing menggunakan Bahasa Cina dan Tamil (Akta Pendidikan 1996, Undang-undang 550). Pentaksiran akan dijalankan untuk murid sekolah rendah pada tahun enam. Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperkasa sepenuhnya PBS dan PBD mulai 2021.

Pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025) telah membuka dimensi baharu dalam dunia pendidikan di Malaysia dengan perubahan dasar, matlamat dan strategi pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran melalui pendekatan pengajaran abad ke-21. PPPM diperkenalkan secara rintis pada tahun 2014 dan diperluaskan pada tahun 2015 seiring dengan pelaksanaan kurikulum baharu di sekolah rendah iaitu KSSR dan KSSM di sekolah menengah. Matlamat dalam pengajaran abad ke-21 sesungguhnya adalah untuk membangunkan potensi murid dengan menyediakan mereka ke arah tenaga mahir dalam membentuk kerjaya demi pembangunan negara pada masa hadapan (Ali & Talib, 2016). Bagi memenuhi standard ini, guru perlu memainkan peranan dalam membentuk perkembangan murid bagi menyokong aspirasi dalam pengajaran abad ke-21 (Buletin Anjakan Bil 5, 2015). Dalam usaha memperkasakan kecemerlangan generasi anak-anak masa hadapan, suatu usaha yang holistik dan bersepadan diperlukan dari semua pihak untuk membentuk modal insan yang bakal menjana kegemilangan dan kemakmuran negara dengan pengaplikasian teknologi dalam bidang pendidikan.

Generasi abad ke-21 bakal menjelmakan negarawan Malaysia yang mampu berdaya saing seantero dunia (Mohd Nizah, Zainun, & Ahmad Ibrahim, 2012). Bagi mencapai matlamat bagi membentuk modal insan yang terbaik, Kementerian





Pendidikan Malaysia telah memperkenalkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) pada tahun 2011 dan sekaligus telah mengubah suai Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR). KSSR merupakan kurikulum yang sesuai dalam membentuk modal insan seterusnya memacu ke arah negara maju di dunia pada masa hadapan. Tunjang bagi KSSR ialah penekanan terhadap enam aspirasi murid iaitu melahirkan murid yang berpengetahuan, mampu berfikiran kritis, mempunyai kemahiran memimpin, berbahasa, beretika serta mempunyai identiti nasional (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012). Perubahan ini selaras dengan Revolusi Industri 4.0 (RI 4.0) pada abad ke-21 dan kepesatan teknologi. Dalam pendidikan abad ke-21, kaedah pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) yang pelbagai dari segi kekreatifan dan dinamika guru amat diperlukan. Kepelbagaiannya kaedah PdPc adalah perlu untuk melahirkan murid yang mampu menghadapi cabaran dunia global.



Oleh ini, perubahan dalam PdPc mesti seiring dengan pembangunan teknologi yang semakin maju dan akses kepada internet untuk mengoptimumkan penghasilan kemenjadian murid berprestasi tinggi. Selaras dengan kemodenan abad ke-21 ini, definisi literasi digital semakin berubah seiring dengan perkembangan pesat teknologi yang telah menjadi satu keperluan dalam kehidupan pada masa kini. Perkembangan kurikulum yang semakin kompleks menuntut kemahiran berfikir yang tinggi yang dapat diproses dengan mudah menerusi teknologi maklumat dan komunikasi. Bidang Pendidikan Islam juga turut menerima impak daripada perkembangan kurikulum yang semakin kompleks yang menuntut penguasaan sesuatu ilmu baharu dalam diri setiap manusia (Zainal Abidin, 2014; Othman & Pg. Osman, 2014).





Sehubungan dengan itu, pembelajaran teradun menjadi pendekatan yang sesuai dalam mengoptimumkan pengaplikasian teknologi di dalam PdPc. Pembelajaran teradun menyediakan platform untuk meningkatkan penglibatan murid secara keseluruhan, meningkatkan pembelajaran terarah kendiri dan mengubah sikap pembelajaran murid terhadap pembelajaran (Shivam & Singh, 2015) dan (Boden, Franklin-Guy, Gibson, Lasker-Scott, Scudder & Smartt, 2009). Selain itu juga, pembelajaran teradun boleh menyediakan ruang kepada murid untuk merancang, mengurus dan melakukan aktiviti pembelajaran bersama guru dan rakan-rakan (Smyth, Houghton, Cooney & Casey, 2012). Oleh itu, pembelajaran teradun boleh menjadi satu cara pembelajaran yang unik dan moden, memenuhi trend dalam dunia pendidikan yang lebih memfokuskan kepada penggunaan teknologi dalam proses penyampaian maklumat dan kandungan pelajaran.



Banyak kajian telah dijalankan untuk menentukan tahap keberkesanan pelaksanaan pembelajaran teradun dari segi hasil pembelajaran dan kesannya kepada murid. Menurut Lee dan Hung (2015) serta Briggs (2014) menunjukkan bahawa pelaksanaan pembelajaran teradun boleh memberikan impak positif kepada hasil pembelajaran murid. Aplikasi dan inovasi dalam pendidikan telah menyebabkan sekolah-sekolah di Malaysia menumpukan kepada pelaksanaan pembelajaran teradun. Pembelajaran teradun bertujuan untuk memberi manfaat terutamanya kepada guru dan murid. Melalui persekitaran pembelajaran yang kondusif, kaedah ini secara tidak langsung telah memberikan guru dan murid satu ruang dan peluang untuk berinteraksi tanpa had batasan masa, tempat dan sempadan yang sangat luas





Selain itu, pembelajaran teradun dapat meningkatkan kemahiran murid menggunakan komputer dan internet untuk berinteraksi secara dalam talian. Sehubungan itu, pembelajaran teradun sesuai digunakan dalam proses PdPc kerana pendekatan ini merupakan antara salah satu kaedah yang boleh melengkapi ciri-ciri pembelajaran abad ke-21 (Ngau & Abdullah, 2016). Pemilihan kaedah yang tepat dalam pembelajaran dapat menjadikan murid mampu mencari, mengkaji dan merumuskan sendiri pengetahuan yang harus dikuasai dan seterusnya menjadikan mereka menguasai pembelajaran tersebut (Khaerudin, 2011).

Kesungguhan KPM untuk melaksanakan beberapa kaedah pembelajaran yang baharu dengan memperkenalkan beberapa kurikulum tambahan. Kurikulum tersebut ialah Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) 2016 dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) 2017. Apa yang terkandung dalam siri kurikulum ini menunjukkan perlunya perubahan dalam proses pengajaran seperti yang dinyatakan dalam pelaksanaan kurikulum baharu (PPPM, 2013-2025) iaitu pelaksanaan pembelajaran teradun.

Memandangkan pelaksanaan pembelajaran teradun ini masih di peringkat baharu sejak tahun 2011, setiap kajian melibatkan guru dan murid di peringkat sekolah belum lagi meluas terutama guru mata pelajaran Pendidikan Islam. Oleh yang demikian, bagi menyokong hasrat murni KPM, kajian ini mengkaji tahap kompetensi Guru Pendidikan Islam (GPI) terhadap pelaksanaan pembelajaran teradun dalam pengajaran dan pembelajaran mereka kelak.





1.2 Latar Belakang Kajian

Perkembangan pesat era teknologi digital menjadi pemangkin kepada kewujudan pembelajaran teradun di Malaysia. Gelombang pertama PPPM bagi tempoh 2013 hingga 2015 bertujuan memantapkan hala tuju sistem pendidikan negara dalam tempoh 13 tahun menunjukkan perkembangan positif. Salah satu fokus utama pelan tersebut adalah untuk mempertingkatkan asas dalam penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) di mana KPM mengukuhkan kemampuan TMK yang sedia ada. Pengukuhan yang diberikan termasuklah meningkatkan bilangan peralatan TMK di sekolah untuk murid dapat menggunakan teknologi dalam pendidikan. Selain itu, menyediakan jaringan jalur lebar dan pelantar pembelajaran yang secukupnya dalam menyokong sistem pendidikan.



Guru Pendidikan Islam (GPI) seharusnya mampu melaksanakan pendekatan yang dicadangkan di sekolah bagi memenuhi hasrat murni KPM. Pendekatan pembelajaran teradun membolehkan murid memiliki kemahiran pembelajaran abad ke-21 dan mampu menjana pemikiran aras tinggi. Keperluan GPI untuk menguasai kemahiran-kemahiran ini amat dituntut bagi mencapai matlamat dalam melahirkan guru yang kompeten dan bersedia untuk berinovasi dalam bidang teknologi dan juga pedagogi. Hal ini dapat dilihat daripada kelebihan yang terdapat pada kedua-dua komponen tersebut iaitu pembelajaran secara bersemuka dan atas talian mampu menjadikan PdPc lebih berdaya saing (Osman & Hamzah, 2016).

Pada abad ke-21, guru mula diperkenalkan dengan pendekatan pembelajaran teradun dan telah menggunakan kaedah teradun dalam setiap pengajaran dan





pembelajaran mereka. Ini menjadikan pembelajaran lebih menarik dan menyeronokkan (Ahmad, Awang, Seman & Abdullah, 2013). Kaedah pembelajaran teradun mengintegrasikan pembelajaran bersemuka dan pembelajaran dalam talian iaitu lebih dikenali sebagai pembelajaran konvensional. Guru boleh berinteraksi dengan murid melalui pelbagai jenis komunikasi. Pendekatan ini berfungsi dengan baik terhadap sistem pendidikan di Malaysia (Harding, 2010). Pembelajaran teradun ialah satu proses pembelajaran yang diterajui oleh guru di dalam dilik darjah melalui gabungan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi. Interaksi dua hala antara guru dan murid boleh berlaku dalam situasi yang berbeza seperti sidang video antara guru dan murid dan kaedah ini membolehkan berlakunya perbincangan subjek yang sedang dipelajari (Dodon Yendri, 2015).



serta pendedahannya hampir kepada guru di semua sekolah di bawah seliaan KPM meluas, namun penerimaan oleh guru terhadap pelaksanaan pembelajaran teradun ini masih lagi menjadi masalah yang serius. Yeop, Kung dan Pauline Swee (2016) menyatakan bahawa pembelajaran teradun merupakan pendekatan yang berupaya untuk menangani keperluan kepelbagaiannya gaya pembelajaran murid dalam menghasilkan impak positif terhadap kemahiran murid. Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi telah memberikan impak yang sangat besar terhadap budaya kehidupan moden khususnya dalam bidang pendidikan. Aplikasi teknologi ini dalam proses pengajaran dan pembelajaran membawa perubahan baharu dalam teknik pedagogi guru. Pengajaran guru menjadi lebih menarik dengan penggunaan teknologi (Haji Rabaai & Fong, 2003; Haji Badusah & Haji Hashim, 2009).





Beberapa kajian terkini menunjukkan bahawa penggunaan teknologi berpotensi untuk merevolusikan teknik pengajaran guru. Kaedah pembelajaran murid dan kaedah pengajaran guru secara umumnya dilaksanakan mengikut aliran semasa. Menurut maklumat yang diperolehi oleh Syed Mustafa dan Miskon (2010), persekitaran yang lebih canggih selaras dengan kepesatan pembangunan teknologi diwujudkan melalui penggunaan media elektronik. Kemenjadian murid pada masa akan datang memerlukan suatu corak dan pengurusan guru yang proaktif serta sesuai mengikut peredaran semasa. Justeru itu, pelaksanaan pembelajaran teradun merupakan cabaran yang perlu dititikberatkan dengan penuh bijaksana.

Setiap komitmen serta persediaan harus dilakukan agar pelaksanaan ini dapat dilaksanakan dengan berkesan dan dapat melahirkan manusia yang berpendidikan sesuai dengan era kemodenan teknologi. Sebagai seorang Guru Pendidikan Islam, Nabi Muhammad s.a.w adalah ‘*role model*’ yang perlu dicontohi kerana baginda adalah guru yang teragung. Baginda bukan sekadar mengajar malah menunjukkan akhlak yang terbaik dalam setiap penyampaian ilmu kepada anak didik beliau. Baginda merupakan sebaik-baik panduan dan rujukan kepada semua pendidik (Saili, 2015). Selain itu, manusia juga diseru untuk mendidik anak-anak sesuai dengan zaman mereka. Seperti mana yang disampaikan di dalam hadith yang diriwayatkan oleh Ali bin Abi Thalib:

عَمُوا أَوْلَئِكُمْ هُنَّ عَيْرَشَ الْقَوْمَ لَمْ مَخْتُقْ فَنَلَزَمَ إِنْ عَيْرَ رَمَالَكُمْ

“Didiklah anak-anakmu atas hal yang berbeza dengan keadaanmu (sekarang) kerana mereka adalah makhluk yang hidup untuk satu zaman yang bukan zamanmu (sekarang)”





Oleh itu, transformasi kaedah pengajaran oleh guru adalah perlu seiring dengan perubahan zaman yang semakin kompetitif. Dengan wujudnya inovasi teknologi dalam pendidikan, guru-guru berpeluang untuk menghasilkan pengajaran yang dapat memberikan pengalaman serta pembelajaran yang bermakna kepada murid. Kaedah pengajaran yang berpusatkan guru menjadikan proses pembelajaran murid pasif dan kurang mengambil bahagian secara aktif. Ini boleh menghalang mereka daripada mengaplikasikan teori yang dipelajari dalam dunia sebenar (Watts & William, 2008).

Sekiranya guru dapat memuat naik video, carta ataupun isu terkini secara dalam talian dari masa ke semasa, murid sudah tentu boleh melengkapkan diri mereka dengan maklumat yang paling terkini. Murid tidak lagi hanya bergantung kepada maklumat yang terkandung dalam buku teks tetapi boleh memerhati, mengamati dan menilai keadaan sebenar di sekeliling mereka serta mengaplikasikannya di dalam bilik darjah.

Ini boleh meningkatkan keupayaan murid untuk merancang pembelajaran mereka dan memberi peluang kepada mereka untuk mengikuti kelas dengan lebih serius. Situasi sebegini yang kekal bermotivasi sekaligus dapat meningkatkan prestasi pencapaian mereka. Menurut Mohamed Noh, Ahmad Mustafa, Hamzah, Ismail dan Abdullah (2013), inovasi dan teknologi boleh dianggap berjaya apabila guru menerima dan mengaplikasikannya.

Pengintegrasian komputer dalam pembelajaran konvensional menjadi satu kelebihan dalam pembelajaran teradun termasuklah dalam bidang Pendidikan Islam di mana ia menjadikan PdPc lebih berkesan dan cekap. Kewujudan inovasi teknologi dalam pendidikan memberi peluang kepada guru-guru untuk menghasilkan pengajaran yang boleh memberi pengalaman dan pembelajaran yang bermakna kepada murid.





Walau bagaimanapun, keputusan akhir bergantung kepada seseorang guru itu sendiri sama ada ingin melaksanakan pembelajaran teradun sebagai pendekatan terkini di dalam PdPc.

1.3 Pernyataan Masalah

Perkembangan teknologi dalam bidang pendidikan bukan hanya melibatkan pembelajaran secara atas talian malah ianya turut berkembang melalui penggunaan aplikasi termasuklah kaedah pembelajaran teradun (Bell & Federman, 2013). Kecanggihan dan perkembangan pesat teknologi ini turut diterapkan dan diaplikasikan di dalam sistem pendidikan masa kini. Pelbagai kaedah pembelajaran dibangunkan

untuk menyampaikan ilmu pengetahuan seperti pembelajaran teradun (Kaur, 2013).

Walau bagaimanapun, menurut Jasmi dan Tamuri (2015) mendapat kualiti GPI yang tidak memuaskan dari segi penguasaan ilmu, kelemahan dalam mempelbagaikan kaedah PdPc dan sahsiah guru terhadap persekitarannya. Ismail, Hamzah dan Aqsha Lubis (2016) turut menyokong dengan menyatakan bahawa GPI tidak bersedia untuk menerajui proses pengajaran dan pembelajaran kerana guru kurang pengetahuan asas tentang mata pelajaran, kebolehan menggunakan kemahiran berfikir serta sikap yang bersesuaian.

Pernyataan laporan dari UNESCO menunjukkan bahawa kebanyakan guru masih tidak bersedia untuk melaksanakan sepenuhnya konsep pengajaran berpusatkan murid dalam objektif kurikulum (A. Ghani, Omar, Hj Abdul Majid & A. Rajak, 2015). Situasi





ini menyebabkan murid menjadi pasif dan tidak menyumbang kepada saranan Kementerian Pendidikan untuk melahirkan murid yang progresif. Menurut Baharin dan Yusop (2011), antara punca utama guru mematuhi kurikulum yang ditetapkan adalah kerana tuntutan sistem pendidikan negara yang sentiasa berorientasikan peperiksaan dan memerlukan guru mengikut kurikulum tertentu sehingga memaksa guru menghabiskan sukan pelajaran yang ditetapkan. Faktor ruang dan keluasan kelas yang terhad menyebabkan guru perlu mengawasi sejumlah besar bilangan murid dalam kelas dan ini mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang tidak selesa dan berkesan. Disebabkan itu guru tidak dapat memantau dan mengawal hasil prestasi pembelajaran setiap murid (Azmi, 2010; Erickson, 1995).

Schorr dan McGriff (2011) menyatakan bahawa dengan mengimplimentasikan

pembelajaran teradun, keupayaan murid menjalankan pembelajaran kendiri dapat diatasi. Jika dirujuk dari sudut pandangan murid, teknologi adalah antara keperluan terbesar murid masa kini. Mereka ini merupakan generasi yang telah dibimbing dan didorong oleh ibu bapa mereka sejak kecil untuk menggunakan dunia media sosial. Jadi, sekiranya mereka berpeluang menggunakan teknologi untuk belajar, sudah tentu mereka boleh mencipta aktiviti pembelajaran yang menarik dan bahan pengajaran yang berkualiti. Ini selaras dengan saranan Ismail Gani, Siarap dan Mustafa (2006) supaya semua guru menggunakan teknologi dan merintis penggunaannya sebagai alat pengajaran utama.

Kebanyakan guru Pendidikan Islam memilih kaedah pengajaran tradisional kerana terikat dengan kurikulum yang telah ditetapkan bagi mata pelajaran tersebut. Ini merupakan pendekatan tradisional yang masih menjadi kaedah pengajaran utama guru.





Kedua-dua ini menyebabkan guru mengajar berdasarkan daripada kandungan buku teks walaupun terdapat pelbagai teknik pengajaran lain (Goffe & Kauper, 2014; Becker & Watts, 2001). Dakwaan ini disokong oleh Watts dan Becker dalam Mok (2010) yang mendapati bahawa buku teks berfungsi sebagai media utama untuk guru. Penggunaan bentuk pengajaran ini kini dilihat kurang berkesan dan tidak sesuai. Sekiranya guru terus mengamalkan persekitaran pembelajaran pasif, keadaan ini tidak mungkin mencapai penyertaan murid yang maksimum dan penglibatan murid yang berperanan aktif dalam pembelajaran juga gagal dicapai. Malahan juga, persekitaran sedemikian tidak menggalakkan refleksi dan pembelajaran kendiri.

Dalam konteks pendidikan, ciri-ciri setiap murid tidak sama dari segi gaya pembelajaran sama ada tahap pengetahuan sedia ada, tahap kebolehan, tahap motivasi, dan pengalaman. Isu kepelbagaian ciri ini sering menimbulkan masalah dalam kalangan murid. Keadaan ini menyebabkan guru menghadapi dilema tentang cara mengajar mengikut keperluan pembelajaran yang pelbagai (Borg & Shapiro, 1996). Jadi, untuk memastikan pembelajaran lebih bermakna dan berkesan serta menggalakkan murid belajar secara berdikari, maka pelbagai teknik pengajaran diperlukan supaya ia dapat meningkatkan prestasi sesuatu pencapaian.

Menurut Baru, Abdullah, Ali dan Yusoff (2014) penggunaan teknologi dalam pembelajaran teradun dan pembelajaran abad ke-21 penting diberi perhatian kerana teknologi merupakan salah satu usaha dan strategi yang dapat meningkatkan kemahiran dan penguasaan murid dalam pembelajaran. Tindakan ini merupakan langkah yang perlu dilaksanakan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran agar murid sentiasa





didedahkan dengan teknologi pembelajaran yang mana sesuai dengan kemahiran pembelajaran masa kini.

Mohd Nawi (2020) menyatakan elemen-elemen pengajaran dan teknologi perlu dikuasai oleh guru supaya ia dapat diterapkan dalam sesi pengajaran mereka. Peranan mentransformasikan dan menjana minda anak didik masing-masing memerlukan kemahiran yang tinggi dalam kalangan guru-guru. Kemahiran tinggi setiap guru dapat melahirkan murid yang berdaya saing, dinamik, kreatif dan inovatif serta berfikiran kritis. Guru yang mempunyai keupayaan dan kebolehan kemahiran yang tinggi akan disanjung oleh murid-murid dan juga akan mendapat penghormatan di tahap yang terbaik.



perhatian. Perkara tersebut perlu dititikberatkan bagi melahirkan dan membekalkan murid dengan kemahiran abad ke-21. Guru hendaklah sentiasa peka dengan perubahan arus teknologi dalam pendidikan abad kini kerana teknologi sentiasa terus berubah tanpa disedari. Selain itu, sikap bertanggungjawab guru terhadap pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah juga menjadi pemangkin kepada kejayaan proses PdPc. Inisiatif untuk memperkenalkan teknologi ke dalam kurikulum pengajaran banyak bergantung kepada sokongan dan sikap guru yang terlibat. Sebenarnya individu utama yang merupakan watak dalam pelaksanaannya di dalam bilik darjah adalah guru (Rohayati, Ahmad Fauzi & Othman, 2012).

Pembelajaran teradun yang diperkenalkan di sekolah-sekolah di Malaysia ialah sebuah sistem pengajaran dan pembelajaran abad ke-21. Sistem ini menggabungkan





konsep pendidikan konvensional dengan kaedah maya yang mana ia dapat memberi manfaat kepada guru, murid, pentadbir sekolah, dan juga ibu bapa. Dengan strategi pengajaran yang baik, menggunakan laman web pengajaran rekaan dari guru akan meransang minat murid untuk memahami dan belajar serta dapat meningkatkan pengetahuan mereka. Penggunaan teknologi dalam menjalankan aktiviti pembelajaran dapat menggalakkan penyertaan aktif para murid meningkat dan keberhasilan pencapaian matlamat pembelajaran murid juga dijangka mampu mencapai matlamat (Yeop & Gapor, 2012).

Banyak kajian telah dilakukan terhadap pembelajaran teradun sejak ia diperkenalkan. Segala kemudahan pembelajaran teradun ini harus digunakan dengan baik dan perlu dimanfaatkan dengan betul agar tidak menjadi sia-sia. Ini berikutnya usaha KPM untuk membantu murid di pedalaman dan luar bandar untuk menikmati kemudahan TMK. Menurut Nor Azlah dan Fariza (2014), kurangnya kemahiran yang berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran teradun oleh guru-guru merupakan antara salah satu faktor yang menyebabkan murid tidak berminat terhadap pembelajaran teradun sebagai sumber pembelajaran.

Menurut Raja Abdullah dan Ismail (2018), kesediaan guru juga berkaitan dengan sikap guru terhadap reformasi dalam dunia pendidikan. Guru sebagai diktator memainkan peranan yang sangat penting dalam bilik darjah walaupun kekurangan kepelbagaian dalam kaedah pengajaran,. Peranan ini memberi cabaran kepada Guru Pendidikan Islam untuk menjadi seorang fasilitator yang efektif kepada murid (Tamuri & Hussin, 2017). Murid berpeluang untuk belajar dengan lebih produktif melalui pendekatan teradun kerana mereka boleh menerima bimbingan dan sokongan daripada





guru apabila diperlukan dan pada masa yang sama boleh belajar mengikut kadar mereka sendiri (Schorr & McGriff, 2011).

Kajian tentang pembelajaran teradun terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam khususnya diperingkat sekolah rendah didapati amat kurang di negara ini berbanding dengan mata pelajaran yang lain. Keinovatifan individu dan efikasi kendiri yang tinggi dalam kalangan GPI mampu menjadikan GPI menerima inovasi pembelajaran teradun dan seterusnya dapat menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan dalam persekitaran pembelajaran interaktif yang bermakna. Oleh itu adalah menjadi satu keperluan kajian yang perlu dijalankan untuk mengenal pasti tahap kompetensi dan hubungan antara pengetahuan, kemahiran dan sikap guru terhadap pelaksanaan pembelajaran teradun dalam kalangan Guru Pendidikan Islam di sekolah.



1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk:

1. Mengenalpasti tahap pengetahuan Guru Pendidikan Islam terhadap pelaksanaan pembelajaran teradun.
2. Mengenalpasti tahap kemahiran Guru Pendidikan Islam terhadap pelaksanaan pembelajaran teradun.





3. Mengenalpasti tahap sikap Guru Pendidikan Islam terhadap pelaksanaan pembelajaran teradun.
4. Mengenalpasti hubungan antara pengetahuan, kemahiran dan sikap Guru Pendidikan Islam terhadap pelaksanaan pembelajaran teradun.

1.5 Soalan Kajian

Empat persoalan kajian telah dikemukakan dalam kajian ini iaitu:

1. Apakah tahap pengetahuan Guru Pendidikan Islam terhadap pelaksanaan pembelajaran teradun?
2. Apakah tahap kemahiran Guru Pendidikan Islam terhadap pelaksanaan pembelajaran teradun?
3. Apakah tahap sikap Guru Pendidikan Islam terhadap pelaksanaan pembelajaran teradun?
4. Adakah terdapat hubungan antara pengetahuan, kemahiran dan sikap Guru Pendidikan Islam terhadap pelaksanaan pembelajaran teradun?





1.6 Hipotesis Kajian

Kajian ini mengemukakan hipotesis seperti berikut:

H_o1. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan Guru Pendidikan Islam terhadap pelaksanaan pembelajaran teradun.

H_o2. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kemahiran Guru Pendidikan Islam terhadap pelaksanaan pembelajaran teradun.

H_o3. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sikap Guru Pendidikan Islam terhadap pelaksanaan pembelajaran teradun.




1.7 Kerangka Teori Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kerangka Teori Kompetensi Spencer dan Spencer (1993). Terdapat dua bahagian dalam teori kompetensi ini. Antaranya ialah kompetensi yang mudah dilihat (*visible*) dan kompetensi yang terlindung (*hidden*).

Rajah 1.1 di bawah menunjukkan kerangka teori tersebut.





Rajah 1.1. Kerangka Teori Spencer dan Spencer (1993)

Untuk melaksanakan kerja atau tugas ia memerlukan pengetahuan dan kemahiran yang dikenali sebagai kompetensi yang mudah dilihat. Kedua-dua elemen ini penting dalam penguasaan pengetahuan untuk memastikan hasil PdPc dapat dicapai. Manakala dari sudut kemahiran pula, guru perlu memahami konsep pelaksanaan pembelajaran teradun agar memudahkan guru membuat demonstrasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, kompetensi yang terlindung pula adalah daripada segi sikap berkaitan dengan perlakuan di mana ia menjadikan seseorang mengambil langkah ke arah sesuatu dalam menyempurnakan tugas yang dipertanggungjawabkan. Menurut Spencer dan Spencer (1993), kompetensi mudah dilihat dan kompetensi terlindung mesti dimiliki oleh setiap guru untuk memastikan pengajaran berkesan.

Pengkaji juga meneliti teori sarjana Islam iaitu teori kesediaan Ibnu Khaldun. Lapangan teori Ibnu Khaldun dalam bidang pendidikan amat luas (Darusalam & Hussin, 2018). Kitab Muqaddimah merupakan salah satu karya terkenal beliau yang membincangkan tentang peradaban manusia, politik, sosiologi dan kemasyarakatan.



Ibnu Khaldun berpendapat bahawa insan yang memainkan peranan penting dalam menerapkan apa jua kemahiran dalam diri murid adalah seorang guru. Untuk mencapai hasrat tersebut, Ibnu Khaldun menekankan supaya guru mendidik anak murid dengan segala tunjuk ajar tentang teknik kehidupan.

Dalam penulisannya tentang pekerjaan, Ibnu Khaldun menegaskan bahawa setiap individu perlu membuat persediaan dalam setiap lapangan pekerjaan (Awang, 2015). Beliau menghuraikan mengenai persediaan ini pada bab lima iaitu aspek yang berkaitan dengan ekonomi dalam kitabnya Ibnu Khaldun (1993) mengenai persediaan manusia di dalam pekerjaan dan berpendapat bahawa individu perlu bersedia untuk menguruskan pekerjaan mereka termasuklah dalam bidang pendidikan. Oleh itu, guru yang merupakan individu yang terlibat secara langsung dalam bidang pendidikan harus mempersiapkan diri dengan pengetahuan tentang kandungan mata pelajaran dan kemahiran mengajar yang bersesuaian (Zainal Abidin, Maidin, Yusof, Hassan, Mohd Yaacob, Mohd Noh & Abd Razak, 2017).

Kesediaan mengajar ialah keyakinan bahawa guru memiliki kemampuan melakukan tindakan yang diharapkan. Sebarang perubahan dan pembaharuan perlu dimulakan dengan perubahan dalam diri individu (Masroom, 2015). Menurut Hassan dan Mohd Aris (2009), guru yang memiliki tahap profesionalisme yang tinggi tergolong dalam tiga ciri berikut. Pertama, memiliki ilmu pengetahuan dalam bidang mereka. Kedua, mengamalkan kemahiran dan ketiga, mempunyai sikap serta dedikasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Kaedah pengajaran harus berbeza mengikut keperluan masyarakat setempat.



Proses ke arah mencapai maksud pendidikan menurut Ibnu Khaldun memerlukan kepada komitmen oleh guru-guru kerana murid-murid ibarat bahan mentah untuk diproses. Mereka dilahirkan suci dan bersih dan hanya menunggu untuk dibentuk oleh seorang guru. Oleh itu, sikap guru amat penting agar proses pengajaran dapat disempurnakan dan seorang guru harus memahami sesuatu teori dalam pengajaran kerana mereka merupakan ahli dalam bidang mereka.

1.8 Kerangka Konsep Kajian

Menurut Husin (2004), kerangka konsep ialah satu set gambar rajah yang menerangkan keseluruhan proses penyelidikan dengan menggabungkan idea dan komponen yang berbeza berdasarkan teori yang digunakan dalam kajian. Kejayaan proses pengajaran dan pembelajaran bergantung kepada kesediaan guru menguasai ilmu pengetahuan, kemahiran mengajar dan persediaan dari segi sikap seseorang guru itu sendiri. Guru yang dilengkapi dengan kemahiran amat diperlukan dalam melaksanakan pembelajaran teradun kerana mampu memberi sumbangan kepada kejayaan pengajaran di sekolah.


Menurut Mat Som (2005), seorang guru yang mempunyai pengetahuan dan sikap positif terhadap teknologi akan menerima perubahan kaedah pengajaran. Selain itu, dengan memiliki kemahiran yang baik dalam penggunaan teknologi juga dapat memberi keyakinan diri yang tinggi kepada guru untuk melaksanakan proses PdPc dengan lebih kreatif. Ini menjadikan proses pengajaran menjadi lebih berkualiti dan menarik sekiranya seseorang guru mempunyai elemen kompetensi penggunaan teknologi.



Berdasarkan kerangka konsep, guru yang melaksanakan pembelajaran teradun perlu mempunyai elemen kompetensi daripada aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap. Elemen kompetensi ini penting bagi seseorang guru melaksanakan pembelajaran teradun agar pengajaran lebih berkualiti dan menarik. Kesediaan guru dalam melaksanakan pembelajaran teradun, kemahiran pedagogi teradun serta sikap guru dalam menghadapi perubahan menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran itu berjaya dilaksanakan. Guru dilihat sebagai keperluan perubahan yang merupakan nadi utama penggerak kepada pelaksanaan pembelajaran teradun.

Rajah 1.2 merupakan kerangka konseptual kajian yang diolah daripada Yusof (2003) memberi gambaran keseluruhan aspek penting dalam kajian kompetensi guru terhadap pelaksanaan pembelajaran teradun di sekolah. Berdasarkan kerangka konsep, guru yang mengajar dengan melaksanakan kaedah pembelajaran teradun seharusnya mempunyai elemen kompetensi yang berkaitan dengan aspek pengetahuan GPI terhadap pembelajaran teradun, kemahiran TMK dalam pembelajaran teradun dan sikap GPI terhadap pelaksanaan pembelajaran teradun.





Rajah 1.2. Kerangka Konseptual Kajian

1.9 Batasan Kajian

Batasan kajian bertujuan untuk membataskan data yang diperoleh melalui tinjauan terhadap beberapa faktor pelaksanaan pembelajaran teradun dalam kalangan Guru Pendidikan Islam di Perak. Kajian ini hanya melibatkan Guru Pendidikan Islam di sekolah kebangsaan tidak termasuk SJKC dan SJKT.

Pengkaji mengehadkan kajian kepada Daerah Manjung sahaja kerana kajian oleh Vadsala'Vadsala dan Vadivalu (2015) tidak tertumpu kepada batasan kajian dalam sesebuah daerah. Lokasi ini juga dipilih berikutan lokasi ini berada di kawasan yang membangun selaras dengan kajian yang dijalankan. Selain dari itu, kajian ini hanya



memfokuskan kepada tiga tahap yang dikenal pasti iaitu tahap pengetahuan, tahap kemahiran dan tahap sikap guru terhadap pelaksanaan pembelajaran teradun yang diterapkan semasa sesi PdPc di sekolah. Kejadian hasil kajian mungkin tidak dapat diperolehi apabila kajian dijalankan ke atas guru-guru yang mengajar Pendidikan Islam di daerah yang berbeza.

Responden yang dipilih adalah guru Pendidikan Islam yang dilantik secara tetap oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Hasil kajian ini menggambarkan sampel yang dikaji iaitu 160 orang GPI sekolah kebangsaan di Daerah Manjung berdasarkan pensampelan Krejcie dan Morgan (1970) dan sekaligus mewakili keseluruhan 270 orang GPI sekolah kebangsaan di Daerah Manjung menurut statistik GPI dari Pejabat Pendidikan Daerah Manjung pada tahun 2022. Kejujuran GPI dalam menjawab setiap soalan yang dikemukakan dalam borang soal selidik adalah merupakan ketepatan dapatan terhadap kajian ini.

1.10 Kepentingan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui tahap kompetensi Guru Pendidikan Islam terhadap pelaksanaan pembelajaran teradun di sekolah kebangsaan yang meliputi tiga aspek kompetensi iaitu pengetahuan, kemahiran dan sikap guru-guru tersebut. Pengetahuan bermaksud perihal mengetahui iaitu maklum atau keadaan sebenarnya, faham atau kenal. Manakala kemahiran pula merujuk kepada kecekapan dalam melaksanakan pendekatan pembelajaran teradun. Adapun sikap ialah perasaan,





pemikiran dan kecenderungan seseorang yang bersifat kekal terhadap aspek-aspek tertentu dalam lingkungan persekitarannya.

Kajian ini akan memberi nilai kepentingan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), guru, murid dan para penyelidik pendidikan untuk meningkatkan kualiti keberhasilan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Ianya selaras dengan Dasar e-Pembelajaran Negara (DePAN) pada tahun 2011 yang menyatakan bahawa 50 peratus kursus perlu dilaksanakan menggunakan kaedah pembelajaran teradun. Kaedah pembelajaran teradun telah digunakan secara meluas di institusi pengajian tinggi tetapi masih dianggap baharu di peringkat sekolah. Kajian ini diharapkan dapat menjadi pencetus idea dan perangsang serta memberi rujukan dan maklumat kepada pelbagai pihak dalam meningkatkan kualiti PdPc Pendidikan Islam. Pihak yang dimaksudkan



1.10.1 Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), Kementerian Pendidikan Malaysia

Selaras dengan salah satu daripada fungsi BPK iaitu untuk menyediakan bahan-bahan pengajaran yang bersesuaian dengan keperluan kurikulum, maka kajian ini boleh menyumbang ke arah memenuhi fungsi tersebut. Pihak BPK boleh menggunakan hasil kajian ini sebagai sandaran kepada usaha memperluaskan bahan-bahan berkaitan aktiviti pengajaran yang boleh dirujuk oleh guru-guru Pendidikan Islam di sekolah.

Melalui kajian ini, ia dapat membantu pihak KPM untuk menentukan tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap guru-guru terhadap pelaksanaan pembelajaran





teradun di sekolah. Diharapkan dengan hasil dari kajian ini dapat membantu pihak KPM untuk mengenal pasti kelebihan serta kelemahan guru dalam melaksanakan pembelajaran teradun dan juga sekaligus dapat membantu KPM dalam menambah baik perkhidmatan sistem pembelajaran teradun dan mempromosikan pelaksanaannya dengan lebih berkesan.

1.10.2 Guru-guru Pendidikan Islam di sekolah

Sebagai agen pelaksana bagi sebarang perubahan pengajaran yang berlaku di sekolah, guru-guru boleh memanfaatkan kajian ini agar dapat menyumbang ke arah penambahbaikan pengajaran yang lebih berkualiti serta dapat mewujudkan aktiviti pembelajaran yang positif. Kajian ini juga akan menyedarkan guru-guru untuk membezakan dan mempelbagaikan teknik pengajaran dan pembelajaran supaya dapat meningkatkan minat murid terhadap pembelajaran dan mencungkil bakat murid supaya dapat meneruskan pembelajaran tanpa rasa jemu dan bosan.

Kajian ini juga dilaksanakan bagi mengenal pasti ruang penambahbaikan yang dapat diaplikasikan dalam meningkatkan kompetensi guru terhadap penggunaan TMK dalam PdPc abad ke-21. Selain itu, penggunaan TMK dapat memudahkan guru mengurus dan merancang aktiviti di dalam bilik darjah mahu pun di luar bilik darjah.





1.10.3 Murid sekolah rendah yang beragama Islam

Selaku pihak yang terlibat secara langsung dalam pengajaran mata pelajaran Pendidikan Islam, murid boleh mengakses sumber rujukan dengan lebih mudah di mana ianya membantu murid untuk bersedia sebelum sesuatu pembelajaran dilaksanakan. Pelaksanaan pembelajaran teradun juga membantu murid untuk mengakses sumber rujukan di atas talian pada bila-bila masa.

1.10.4 Ibu bapa dan pemimpin masyarakat

Para ibu bapa dan pemimpin masyarakat boleh menjadikan hasil kajian ini sebagai pencetus kesedaran dalam menyediakan keperluan TMK seperti komputer, talian internet yang stabil serta ruang dan tempat bersesuaian bagi memastikan PdPc berjalan dengan lancar. Sokongan dari ibu bapa dan pemimpin masyarakat dalam menambah baik keperluan sedia ada serta menyediakan sebarang kekurangan dapat membantu guru dalam pelaksanaan pembelajaran teradun dengan lebih berkesan.

1.11 Definisi Operasi

Definisi bagi tajuk kajian penting untuk mengetahui dengan lebih jelas tentang sesuatu kajian yang sedang dikaji oleh pengkaji. Terdapat beberapa istilah yang merupakan elemen utama dalam kajian. Antara istilah yang perlu didefinisikan secara operasi dalam konteks kajian ini, iaitu:



1.11.1 Guru Pendidikan Islam

Guru merupakan tenaga pengajar, pembimbing dan pendidik manakala Pendidikan Islam dalam kajian ini merujuk kepada mata pelajaran Pendidikan Islam dalam KSSR. Guru Pendidikan Islam di dalam kajian ini merujuk kepada guru yang mempunyai kepakaran khusus dalam bidang Pendidikan Islam dan mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam dalam KSSR di sekolah kebangsaan.

1.11.2 Pelaksanaan Pembelajaran Teradun

Pelaksanaan pembelajaran teradun merupakan satu inovasi dalam sistem pendidikan yang mengintegrasikan konsep pendidikan konvensional dan kaedah maya. Ini bertujuan untuk menambah baik sistem pendidikan yang sedia ada dengan kaedah yang telah diperbaharui. Secara umumnya, pembelajaran teradun yang dimaksudkan adalah pembelajaran yang dijalankan dengan gabungan pembelajaran bersemuka dan proses pembelajaran atas talian (Inoue, 2010). Proses pembelajaran yang diterajui oleh guru di dalam bilik darjah dengan mengintegrasikan penggunaan TMK dan secara langsung telah menghasilkan persekitaran pembelajaran teradun. Mohamed Noor (2001) memaklumkan bahawa untuk melaksanakan pendekatan ini, setiap guru dan semua pihak yang terlibat dalam PdPc perlu memahami peranan masing-masing dan bersedia untuk merealisasikan pendekatan ini.



Oleh itu, dalam kajian ini pelaksanaan pembelajaran teradun dinilai dengan melihat kepada kompetensi guru sama ada dipengaruhi oleh beberapa faktor termasuk faktor pengetahuan, kemahiran dan sikap Guru Pendidikan Islam itu sendiri.

1.11.2.1 Pengetahuan Pembelajaran Teradun

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Ke-4 (2007), perkataan pengetahuan diambil dari perkataan “tahu” yang bermaksud maklum akan keadaan sebenarnya atau faham dan mengerti. Seseorang itu akan tahu selepas menggunakan pancainderanya untuk sesuatu objek tertentu melalui lima deria manusia seperti penglihatan, pendengaran, bau, rasa dan sentuhan. Pengetahuan manusia kebanyakannya diperoleh melalui pendidikan, pengalaman orang lain, media massa dan persekitaran (Natoatmodjo, 2003). Abdul Hamid (2004) mendefinisikan pengetahuan sebagai satu tahap dalam bentuk kebenaran, prinsip dan maklumat yang datang dari pengalaman lepas dan pengalaman baru sama ada diketahui oleh diri sendiri atau melalui sumber lain dan digunakan untuk mencapai matlamat belum dicapai.

Che Hassan (2015) menyatakan pengetahuan merupakan maklumat sedia ada yang wujud dalam amalan harian seseorang. Oleh itu, dalam konteks kajian ini, pengkaji mentafsirkan pengetahuan sebagai maklumat yang terkandung dalam diri setiap Guru Pendidikan Islam tentang konsep pembelajaran teradun. Pengetahuan pembelajaran teradun juga merujuk kepada pengetahuan dan kefahaman GPI bagaimana pembelajaran teradun boleh dilaksanakan dalam persekitaran pembelajaran di sekolah.



1.11.2.2 Kemahiran TMK dalam Pembelajaran Teradun

Kemahiran TMK amat penting dalam melahirkan tenaga kerja yang berkemahiran dan profesional bagi mencapai wawasan negara (Megat Zakaria, Aris & Harun, 2007). Selain kemahiran menggunakan komputer, kemahiran TMK guru juga melibatkan penggunaan aplikasi pembelajaran merangkumi *Kahoot*, *Quizzi* dan *Wordwall* serta kemahiran menggunakan gajet-gajet elektronik terkini seperti telefon pintar dan tablet.

Kemahiran TMK sangat penting untuk menguruskan peralatan dan perkakasan tersebut selaras dengan Harun dan Tasir (2003) yang memaklumkan bahawa kemahiran TMK memberikan impak yang positif kerana kemahiran TMK mengupayakan guru melaksanakan pembelajaran teradun dengan lebih berkesan. Penguasaan kemahiran TMK juga melahirkan inovasi kaedah pembelajaran yang memudahkan guru membuat persediaan pembelajaran disamping memudahkan pemahaman murid.

Penggunaan TMK dalam pengajaran guru memberikan nilai tambah kepada aktiviti pengajaran guru. Penggunaan TMK dalam proses PdPc boleh menjadi satu kelaziman jika sering diamalkan (Shariff & Puteh, 2018). Proses PdPc abad ke-21 juga merupakan isu penting dalam dunia pendidikan pada masa kini. Pada abad ke-21, perubahan dalam pendekatan pedagogi dan pengajaran telah menjadikan generasi abad ke-21 menjadi lebih berdaya saing. Di peringkat global, kemahiran TMK menjadi elemen penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Kemahiran mengajar guru boleh dipertingkatkan sekiranya guru sentiasa merancang dan menilai pengajaran mereka. Oleh itu, adalah penting untuk guru



bersedia dalam menjana idea-idea baharu dan memiliki kemahiran berfikir secara kritis sebelum memulakan sesi pengajaran (Che Abdullah, 2017). Guru mestilah mempunyai kemahiran TMK untuk menyampaikan ilmu dengan lebih berkesan dan boleh memilih kaedah pengajaran yang sesuai dengan kebolehan murid.

Dalam kajian ini, kemahiran merujuk kepada kemahiran TMK dalam melaksanakan pembelajaran teradun. Oleh itu, guru yang mempunyai kemahiran TMK yang tinggi akan memberi kesan dan pengaruh yang baik terhadap perkembangan murid dan menjadi penentu kejayaan murid dalam sesuatu mata pelajaran yang dipelajari. Sebaliknya jika guru kurang mahir dalam TMK, ia akan menjejaskan perkembangan murid.



1.11.2.3 Sikap GPI Terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Teradun

Menurut Che Hassan (2015), sikap ialah gambaran tentang betapa suka atau tidak suka seseorang itu terhadap sesuatu. Sikap juga menggambarkan kepercayaan seseorang dan kesanggupan untuk melakukan sesuatu perkara. Sikap memberi kesan yang khusus kepada daya usaha, minat dan kesedaran seseorang individu.

Sikap adalah pemboleh ubah penting dalam menjana idea-idea baharu dalam kelas semasa melaksanakan pengajaran. Sikap juga merupakan satu konsep yang paling penting dalam psikologi sosial yang memberi kesan spiritual terhadap tingkah laku, daya usaha, minat dan kesedaran (Rienke & Moseley, 2002). Dalam kajian ini, sikap





merujuk kepada sikap guru itu sendiri terhadap pelaksanaan pembelajaran teradun dalam PdPc.

1.11.2.4 Sekolah Kebangsaan di Perak

Sekolah kebangsaan di Perak yang dirujuk oleh pengkaji adalah semua sekolah kebangsaan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia yang terletak di Negeri Perak kecuali Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) Cina dan Tamil.

1.12 Kesimpulan



Secara keseluruhannya, bab ini membincangkan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, teori kajian, batasan kajian, definisi operasional, dan kepentingan kajian. Perbincangan ini memberi gambaran awal tentang aspek-aspek penting yang perlu diberi perhatian dan penekanan agar fokus kajian tersusun dan mampu mencapai objektif yang ditetapkan.

Terdapat empat objektif kajian telah dikemukakan yang mana objektif kajian ini dijadikan sebagai garis panduan dalam kajian agar dapat berjalan mengikut yang telah ditetapkan. Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti tahap kompetensi guru iaitu pengetahuan, kemahiran dan sikap Guru Pendidikan Islam terhadap pelaksanaan pembelajaran teradun. Selain itu, kajian ini dijalankan untuk melihat hubungan antara pengetahuan, kemahiran dan sikap GPI terhadap pelaksanaan pembelajaran teradun





dalam PdPc.

Menjadi pendidik bukan sekadar untuk memenuhi ruang dan jawatan, tetapi modal insan akan datang akan ditentukan oleh profesion perguruan ini. Sememangnya tugas guru amat berat namun begitu mulia dan bermakna. Komitmen yang tinggi diperlukan dalam melahirkan generasi yang hebat dalam pelbagai bidang (Mohd Salleh, 2003). Sebagai seorang guru yang terlibat secara langsung dalam dunia pendidikan perlu menyedari betapa penting untuk mengikuti perubahan atau transformasi dalam pendidikan yang bakal menentukan arah dan tujuan dalam bidang pendidikan.

Matlamat kajian dan persoalan yang dikemukakan adalah bertujuan untuk membantu pengkaji mendapatkan hasil kajian yang terperinci dan akan diteruskan pada bab seterusnya. Oleh itu dapat dirumuskan bahawa Guru Pendidikan Islam hendaklah mencapai tahap penguasaan yang baik untuk digunakan dalam pengajaran agar setiap objektif pengajaran yang diajar kepada murid menjadi lebih berkesan.

